

GENTACIN CREAM

Gentamicin sulphate (0.10% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Gentacin
2. Bagaimana Gentacin berfungsi
3. Sebelum menggunakan Gentacin
4. Cara menggunakan Gentacin
5. Semasa menggunakan Gentacin
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Gentacin
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Gentacin

Ia digunakan untuk rawatan jangkitan kulit oleh bakteria.

Bagaimana Gentacin berfungsi

Gentamicin sulphate ialah sejenis sntibiotik yang berkesan untuk bidang luas bakteria, termasuk jenis yang bernama Staphylococcus, Streptococcus, Pseudomonas, Proteus vulgaris, E-coli, Aerobacter aerogenes, Klebsiella pneumoniae dan coliform bacilli.

Sebelum menggunakan Gentacin

- Bila tidak boleh menggunakan

Jika mempunyai alahan terhadap gentamicin atau ramuan lain Gentacin.

- Sebelum menggunakan Gentacin

Penggunaan gentamicin berlebihan atau jangka masa panjang boleh mengakibatkan pertumbuhan berlebihan kulat dan bakteria lain pada luka. Ia boleh menyebabkan sensitasi kulit, dan mengakibatkan reaksi alahan dengan penggunaan berterusan krim ini.

Cara menggunakan Gentacin

- Berapa banyak harus digunakan

Dewasa dan kanak-kanak berumur lebih daripada 1 tahun: Sapu pada bahagian berkenaan dua atau tiga kali sehari.

- Bila perlu digunakan

Sentiasa gunakan Gentacin mengikut arahan doktor anda. Anda perlu semak dengan doktor atau ahli farmasi anda jika tidak pasti.

- Berapa lama perlu digunakan

Anda perlu semak dengan doktor atau ahli farmasi anda.

- Jika terlupa menggunakan

Gunakan sebaik sahaja anda teringat.

- Jika menggunakan berlebihan (terlebih dos)

Jika guna berlebihan, hubungi doktor anda, jabatan kecemasan atau pusat racun dengan segera.

Penggunaan berlebihan Gentacin boleh menyebabkan kegatalan, kemerahan, Bengkak atau tanda-tanda lain iritasi.

Semasa menggunakan Gentacin

- Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu doktor ubat yang anda sedang ambil.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan memberi ubat ini kepada sesiapa walaupun tanda-tanda penyakit mereka serupa, kerana mungkin mendatangkan mudarat.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Jikalau anda hamil, menjadi hamil atau menyusukan anak semasa rawatan, anda tidak patut mengambil Gentacin kecuali dengan arahan doktor.

Doktor akan mempertimbangkan manfaat dan risiko rawatan ini atas anda dan bayi.

Kesan-kesan sampingan

Penggunaan gentamicin boleh menyebabkan kemerahan, Bengkak, kegatalan atau tanda-tanda lain iritasi yang tidak didapati sebelum rawatan.

Ini bukannya senarai lengkap kesan sampingan gentamicin. Ada kesan yang mungkin berlaku pada sesetengah orang dan mungkin terdapat kesan sampingan yang belum diketahui. Beritahu doktor jika anda mengalami sesuatu yang menyebabkan anda berasa tidak selesa, walaupun tidak terdapat dalam senarai ini. Minta nasihat doktor atau ahli farmasi anda jika anda tidak memahami sesuatu dalam senarai ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel:03-78835550, atau laman web

npra.moh.gov.my (Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety).

Cara penyimpanan dan pelupusan Gentacin

- Penyimpanan

Simpan di tempat yang dingin dan kering, di bawah 25°C. Jauhkan daripada cahaya. Jauhkan daripada kanak-kanak.

- Pelupusan

Dapatkan nasihat ahli farmasi cara pelupusan ubat yang tidak diperlukan.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Krim berwarna putih.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif: gentamicin sulphate
- Bahan bukan aktif: liquid paraffin, cetomacrogol emulsifying wax, white soft paraffin, chlorocresol, sodium citrate, citric acid, medium chain triglyceride and deionised water.

- Nombor MAL:

MAL20002266AZ

Pengilang dan Pemegang pendaftaran keluaran

Prime Pharmaceutical Sdn. Bhd.
1505, Lorong Perusahaan Utama 1
Taman Perindustrian Bukit Tengah
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

02/06/2017

Nombor siri

BPFK(R4/1)01062017/00121